

# **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM  
KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN  
PAMERAN KEAJAIBAN TAKSIDERMI: KEHIDUPAN ABADI  
DAN PELANCARAN KEMPEN DERMA KOLEKSI**

**PADA 7 DISEMBER 2021  
KHAMIS  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Bismi-Ilāhir raḥmānir raḥīm

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terima kasih diucapkan kepada Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**SALUTASI**

YBhg. Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Yang Berusaha Cik Saraya binti Arbi

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia,

Yang Berusaha Encik Mohd Shawali bin Badi,

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Muzium Malaysia

Yang Berusaha Encik Mohd Razaimi bin Hamat,

Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Jabatan Muzium Malaysia

Dato-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurnia-Nya kita berpeluang berkumpul pada hari ini untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi dan Pelancaran Kempen Derma Koleksi.

Terima kasih kepada YBhg. Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri kerana sudi menerima jemputan kita dan meluangkan masa untuk merasmikan majlis ini.

Terima kasih juga atas kehadiran Dato'-Dato', Datin-Datin, TuanTuan dan Puan-Puan yang turut sama memeriahkan majlis ini.

Kami amat mengalukan kehadiran anda semua ke majlis ini.

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

1.) Terlebih dahulu saya ingin saya kongsiikan kepada anda semua bagaimana bermulanya cabang ilmu pengawetan atau taksidermi sejak sekitar 2,200 tahun yang lampau. Menurut kebanyakan pengkaji yang menulis tentang sejarah taksidermi ini mengatakan yang sejarah ilmu mengawet ini bermula sejak zaman purba Mesir lagi sebelum ianya berkembang ke negara Perancis sekitar tahun 1748 dan seterusnya ke England pada abad ke-19. Kitab Suci Al- Quran menyatakan di dalam Surah Yunus ayat 92, *"Maka pada hari ini, Kami selamatkan badan kamu (Firaun) supaya kamu dapat menjadi pelajaran bagi orang-orang yang datang sesudah kamu, dan sesungguhnya kebanyakan manusia lengah dari tanda-tanda kekuasaan Kami"*. Dengan sedikit ilmu dan pengetahuan mengenai pengawetan yang Allah S.W.T bekalkan kepada Masyarakat Mesir Purba ketika itu, jasad Firaun dapat dikekalkan sehingga ke hari ini sebagai bukti dan pengajaran buat generasi kini. Hari ini, ilmu taksidermi atau seni awetan kulit berkembang luas terutamanya dalam institusi pemuziuman yang banyak mengumpulkan spesimen haiwan dari seluruh pelusuk dunia. Aplikasi ilmu taksidermi membolehkan benda hidup yang telah mati dikekalkan jasadnya daripada membusuk agar dapat dikekalkan supaya hikmah penciptaanya dapat dikaji dan dipelajari untuk manfaat bersama.

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

2.) Saya pasti ada dalam kalangan hadirin sekalian yang tertanya-tanya apakah itu Taksidermi? Taksidermi menurut kamus Dewan adalah bidang ilmu seni atau kaedah pengawetan binatang yang telah mati sehingga ia kelihatan seolah-olah masih hidup. Perkataan taksidermi itu berasal daripada gabungan perkataan greek "taxis" yang bermaksud susunan dan "derm" yang bermaksud kulit dan merujuk kepada cabang ilmu mengenai seni susunan dan pelekapan kulit yang telah diawet. Menyedari tentang kepentingan cabang ilmu ini, Jabatan Muzium Malaysia menerusi Muzium Alam Semula Jadi telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Pameran Keajaiban Taksidermi : Kehidupan Abadi ini yang memperihalkan mengenai sejarah dan perkembangan bidang taksidermi di Malaysia khususnya di Muzium Negara. Pameran yang diadakan ini, bertujuan untuk menarik perhatian masyarakat menghargai hasil seni taksidermi yang dihasilkan oleh ahli taksidermi di muzium disamping menghayati kepentingan untuk memelihara khazanah fauna negara kita khususnya.

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

3.) Pernahkah hadirin sekalian terlintas difikiran bagaimana seni awetan ini mula bertapak di Malaysia? Seperti kita sedia maklum, Malaysia merupakan negara yang mempunyai kekayaan biodiversiti flora dan fauna. Kepelbagaian spesies fauna yang berada di bumi Malaysia telah menarik minat pengkaji zoologi dari dahulu sehingga kini. Sekitar abad ke-19, kerancarkan ahli zoologi di England menyelidik dan mengumpul pelbagai spesimen fauna di seluruh dunia pada waktu itu secara tidak langsung telah menyebabkan berkembangnya bidang taksidermi termasuklah di Malaysia. Seperti yang hadirin sekalian sedia maklum, Muzium Perak di Taiping merupakan muzium pertama di Tanah Melayu. Muzium ini menjadi perintis praktis taksidermi dan pusat pengumpulan spesimen flora dan fauna terawal di Malaysia. Spesimen Badak Sumatera yang dipamerkan di dalam pameran ini antara spesimen yang diperolehi oleh Kurator Muzium Perak pertama iaitu Leonard Wray Jr dan telah diawetkan oleh E. J Keilich pada tahun 1901. Melalui praktis taksidermi dan penjagaan yang baik spesimen ini masih utuh sehingga ke hari ini walaupun sudah diawetkan sejak 120 tahun yang lalu. Sedihnya kini spesies badak ini telah diisytiharkan pupus di negara kita.

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

4.) Pada tahun 1963, selepas pembukaan Muzium Negara sekumpulan anak tempatan telah dilantik untuk menjadi perintis bidang ini. Mereka menerima bimbingan dan latihan dari Pakar Taksidermi kelahiran Denmark, Encik Arne Stockholm Dyhrberg yang dipinjamkan oleh Muzium Bogor, Indonesia untuk membuat pengisian Galeri Ilmu Kejadian ketika itu. Lubuk akal, lautan budi kepakaran ahli taksidermi di Muzium Negara menempa kejayaan dan diperakui di dalam dan luar negara. Mereka turut menjadi rujukan muzium tempatan dan di Asia Tenggara. Legasi kepakaran mereka kini telah diteruskan oleh dua orang kakitangan Muzium Alam Semula Jadi terutamanya Encik Mohd Ridhuan bin Akhirudin dan Encik Ali bin A.M. Haja Mohaideen. Bak kata pepatah tak kenal maka tak cinta, diharapkan bertitik tolak daripada penganjuran pameran ini diharapkan akan dapat memberi informasi dan menarik minat lebih ramai generasi baharu menceburi bidang taksidermi agar ia terus berkekalan.

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

5.) Jika dilihat pada situasi hari ini, pandemik COVID 19 memberi impak besar kepada seluruh masyarakat dunia. Di awal penularan pandemik ini pada penghujung tahun 2019 di Wuhan, China. Saintis mendapati virus corona merupakan penyakit zoonosis yang menjangkiti haiwan dan dipindahkan kepada manusia. Pada awal penularan, saintis mendapati jujukan genom yang dimiliki virus ini 96% menyamai jujukan genom virus corona keluarga Kelawar Ladam. Maklumat ini diperolehi melalui perkongsian data spesimen yang disimpan di beberapa Muzium Sejarah Alam Semula Jadi di serata dunia. Perkongsian data dan maklumat spesimen di muzium tersebut telah membantu para saintis untuk menginterpretasi dan menganalisa jujukan genom virus ini, seterusnya memahami dan meramalkan langkah pencegahan penularan yang sepatutnya diambil tindakan. Pemahaman mengenai profil genetik virus maut ini telah membawa kepada penemuan vaksin. Jelaslah bahawa koleksi muzium adalah perpustakaan ruang dan masa yang mampu menjawab dan merungkai pandemik ini. Spesimen yang di simpan di dalam Muzium Alam Semula Jadi mewakili sebahagian besar spesimen yang wujud di sesuatu kawasan yang belum diteroka yang menyumbang data kepada perancangan menangani pelbagai situasi di masa hadapan. Peranan



ahli taksidermi dan Muzium Alam Semula Jadi sebagai gedung penyimpan koleksi rujukan spesimen flora dan fauna negara adalah relevan dan sangat penting.

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

6.) Pameran Keajaiban Taksidermi Kehidupan Abadi adalah sebahagian konsep *Butterfly Effect* yang diaplikasikan oleh Jabatan Muzium Malaysia melalui medium pemuziuman. Diharapkan ia memberi inspirasi kearah pemikiran dan tindakan baharu di dalam pembangunan mampan pengurusan sumber alam semula jadi berdasarkan kepercayaan bahawa tindakan dan usaha kecil yang dilakukan pada hari ini, di dalam memulihara dan memelihara khazanah negara dapat memberi impak yang besar di masa hadapan.

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

7) Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT, pada hari ini juga akan dilancarkan satu lagi program iaitu Kempen Derma Koleksi (KDK) sebagai salah satu usaha JMM ke arah memartabat dan melestarikan warisan khazanah negara. Program ini diadakan bertujuan untuk mempromosi dan menggalakkan masyarakat untuk

menyumbangkan artifak persendirian yang mempunyai signifikan dan nilai terhadap perkembangan sejarah, seni, budaya dan alam semula jadi negara kepada JMM. Kempen ini menyasarkan perolehan seperti koleksi kemerdekaan, tekstil, perhiasan diri, senjata, permainan tradisional, hasil kraftangan, alat pertukangan dan perusahaan, serta spesimen alam semula jadi negara.

Sebagai makluman juga, sepanjang lima (5) tahun kebelakangan ini, JMM telah menerima sebanyak 1,120 koleksi yang dihadiahkan kepada muzium di mana pecahannya adalah seperti berikut:

i) 2017 sebanyak 97 koleksi

ii) 2018 sebanyak 513 koleksi di mana 491 daripadanya adalah spesimen hidupan marin

iii) 2019 sebanyak 300 koleksi

iv) 2020 sebanyak 104 koleksi di mana 29 daripadanya adalah spesimen haiwan

v) 2021 sebanyak 106 koleksi

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

8) Suka saya maklumkan bahawa koleksi yang disumbangkan ini akan dimanfaatkan oleh JMM bagi tujuan pembangunan ilmu dan pemantapan jati diri agar dapat meningkatkan kepekaan dan keprihatinan masyarakat terhadap warisan sejarah, seni, budaya dan alam semula jadi negara melalui pelaksanaan aktiviti penyelidikan, pameran dan pendidikan muzium. Melalui koleksi yang disumbangkan ini juga, muzium dan masyarakat akan bersama-sama dapat melindungi dan memelihara koleksi tersebut agar sentiasa kekal sebagai bukti peradaban dan tamadun bangsa. Melalui sistem pengurusan koleksi dan kepakaran professional konservasi, JMM akan berusaha memelihara dan memulihara koleksi yang disumbangkan ini dengan standard permuziuman bagi mengelakkan dari risiko kehilangan, kerosakan dan kemusnahan. Hasrat ini selari dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN) yang menyarankan ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan warisan, pembangunan dan pengembangan serta pemerksaan budaya.

**YBhg. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,**

9) Bagi merealisasikan hasrat ini juga, JMM telah merangka beberapa Program Jelajah Kempen Derma Koleksi ke beberapa buah negeri pada tahun 2022 iaitu di Kelantan, Kedah dan Perak. Seterusnya, kempen ini akan disebarluaskan lagi ke negeri-negeri lain pada tahun berikutnya. Bagaimanapun, kempen ini tetap diteruskan dari semasa ke semasa melalui pelbagai platform media seperti media sosial, media elektronik dan media cetak. JMM amat mengharapkan sokongan dan kerjasama dari semua pihak terutama para pengamal media bagi membantu menjayakan kempen ini dengan harapan tinggi agar muzium dan masyarakat dapat bersama-sama untuk terus melindungi dan melestrasikan khazanah warisan negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah khususnya kepada seluruh warga kerja Muzium Alam Semula Jadi, Bahagian Pengurusan Koleksi, pegawai dan staf JMM dan semua pihak yang telah bersama-sama berusaha keras bagi menjayakan program-program yang telah dirancang dan menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian.

**WabillahiTaufik WalHidayah, Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**